

PM ajak New Zealand bekerjasama

BH 20 MAY 1994

KUALA LUMPUR, Khamis — Malaysia mengajak New Zealand meneroka semua bidang kerjasama di antara kedua-dua negara dalam usaha mencapai matlamat menikmati kemajuan lebih pesat demi kepentingan bersama.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata ikatan sejarah dan politik yang kukuh di samping perhubungan peribadi yang baik di antara pemimpin dan pegawai Malaysia dan New Zealand mengeratkan semangat setiakawan kedua-dua negara.

"Penyertaan bersama dalam pertubuhan antarabangsa dan serantau utama membantu merapatkan perhubungan ini. Bagaimanapun, ada banyak ruang untuk meningkatkan kerjasama dan perhubungan ini," katanya ketika berucap di majlis makan malam rasmi sempena kedatangan Perdana Menteri New Zealand, James Brendan Bolger, di sini malam ini.

"Kunjungan anda ke negara ini membuka peluang kepada kedua-dua negara untuk meneroka ruang kerjasama yang lebih luas dalam pelbagai bidang," katanya.

Menurut Dr Mahathir, ada banyak peluang dan skop untuk mempromosi pelaburan dan perdagangan yang boleh dilaksanakan.

"Malaysia sentiasa menerima penyertaan New Zealand dalam program pembangunan ekonomi dan berminat pula untuk mencari peluang ekonomi di negara anda," katanya.

Beliau berkata, kedua-dua negara perlu meningkatkan perdagangan dua hala yang kini bernilai RM1,139 juta.

"Rakyat Malaysia sudah mengenali produk ternakan dan daging New Zealand manakala rakyat New Zealand pula mula mengenali kereta Proton yang dieksport sejak beberapa tahun lalu," katanya.

Dr Mahathir berkata, ahli perniagaan dari Malaysia dan New Zealand mempunyai peluang yang luas bagi mengadakan usahasama dalam pelaburan dan perdagangan.

Menurutnya, sebagai negara yang komited terhadap prinsip perdagangan bebas, Malaysia dan New Zealand memiliki aspirasi yang sama untuk mencapainya.

"Sebagai negara perdagangan, kita mesti berusaha bersama mempercepatkan pencapaian Pusingan Uruguay dan bekerjasama mengekalkan apa yang kita miliki.

"Adalah penting selepas (Pusingan Uruguay) Marakkesh, tidak ada syarat dan halangan baru diperkenalkan," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerjasama dalam pelbagai bidang seperti ketenteraan dan pendidikan di antara kedua-dua negara amat dihargai dan berharap kerjasama seumpama itu akan berterusan.

"Malaysia menghargai sumbangan New Zealand membantu mempertahankan negara ini daripada ancaman penganas komunis sejak sebelum merdeka. Bantuan ini berkembang sehingga wujud kerjasama di antara angkatan tentera kedua-dua negara.

"Sejak 1979 sehingga 1993, sebanyak 500 anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sudah menerima latihan di New Zealand," katanya.